

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	15 JULY 2017



Struktur kepemimpinan pembangkang tidak dapat menyaingi Barisan Nasional (BN) yang

terbukti kekal utuh sejak sekian lama hasil persefahaman dan toleransi parti komponen. Lebih memalukan, pembangkang tidak pernah mempunyai hala tuju jelas untuk jangka masa panjang, sebaliknya diwujudkan kerana mereka mahu memenangi pilihan raya umum (PRU) semata-mata”

**Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman,**  
Ahli Majlis Tertinggi UMNO



Tiga pemimpin tertinggi pembangkang yang tidak babitkan

pimpinan DAP sebagai sandiwara DAP. Saya terkejut tiada pemimpin DAP memegang kerusi sama ada Presiden, Pengerusi atau Ketua Umum pembangkang, sedangkan, DAP ada 37 kerusi Parlimen, PKR (28) dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia hanya satu”

**Datuk Seri Mah Siew Keong,**  
Presiden GERAKAN



Pelantikan Tun Dr Mahathir sebagai pengerusi pembangkang secara tidak langsung

menggambarkan reformasi yang dilaungkan PKR sejak 1998 sudah terkubur. Mungkin Anwar sudah memaafkan Dr Mahathir, tetapi Anwar juga yang sering laungkan mengenai perubahan. Apakah perubahan dilakukan jika Dr Mahathir diangkat sebagai pengerusi pembangkang?”

**Sallehen Mukhyi,**  
Pesuruhjaya PAS Selangor



DAP diyakini masih kekal sebagai broker kuasa paling

berpengaruh dalam pembangkang, walaupun Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Tun Dr Mahathir Mohamad, dilantik sebagai teraju utama gabungan pembangkang itu”

**Datuk Shaidul Hazizy Zainol Abidin,**  
Ketua Pemuda UMNO Kedah



Pelantikan Tun Mahathir dan Anwar sebagai pemimpin tertinggi

pembangkang adalah bukti pembangkang tiada hala tuju yang jelas. Kita kasihan kerana keadaan itu menunjukkan mereka tidak boleh membuat satu pilihan yang jelas”

**S Arutchelvan,**  
Ahli Jawatankuasa Pusat Parti Sosialis Malaysia



Struktur kepemimpinan pembangkang dilihat tindakan panik bagi menghadapi PRU-14.

Pembangkang terdesak mengeluarkan senarai baharu bagi memulihkan imej mereka kerana bimbang jika pilihan raya diadakan dalam waktu terdekat. Pembangkang tetap ditunjangi DAP kerana memiliki kerusi terbanyak”

**Tan Sri Annuar Musa,**  
Ketua Penerangan UMNO

## 3 kepala bukti pembangkang cacamarba

BH-15/7/2017 pg. 4

➔ Nakhoda berebut kendali kapal tak boleh diharap terajui negara

**Oleh Rohaniza Idris**  
roha@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**B**iar apapun strategi pembangkang, kemunculan mereka tidak sama dengan Barisan Nasional (BN) yang sudah teruji menerusi kerjasama parti komponen pelbagai kaum dan sikap tolak ansur pemimpinnya tanpa mengabaikan prinsip parti. Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak, berkata dengan barisan kepemimpinan pembangkang diterajui tiga pemimpin, bolehkah kepercayaan diberikan kepada mereka itu untuk menerajui negara ini.

“Tentunya tidak kerana masa depan negara bukanlah untuk diperjudikan,” katanya dalam catatan di blognya, reaksi kepada pengumuman penstrukturan kepemimpinan baharu pembangkang diumumkan kelmarin.

Pembangkang mengumumkan

struktur kepemimpinan baharu yang diterajui Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr Mahathir Mohamad selaku pengerusi; Datuk Seri Anwar Ibrahim (PKR-Ketua Umum); Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (PKR-Presiden).

Pembangkang turut menamakan Tan Sri Muhyiddin Yassin (PPBM), Lim Guan Eng (DAP) dan Mohamad Sabu (Parti Amanah Negara) sebagai timbalan presiden.

**Siapa punyai kuasa eksekutif**  
Salleh turut mempersoalkan siapa yang mempunyai kuasa eksekutif dalam pembangkang berikutan pengumuman senarai kepemimpinan tertinggi gabungan pembangkang itu.

“Antara tiga jawatan tertinggi, ketua umum, pengerusi dan presiden, tidak dinyatakan siapakah yang mempunyai kuasa eksekutif dan kata putus terakhir dalam pembuatan keputusan,” katanya.

Salleh turut mempersoalkan mengapa DAP tidak memegang salah satu jawatan tertinggi, sedangkan parti itu mempunyai bilangan Ahli Parlimen paling ramai dalam gabungan itu.

“Apakah DAP dipinggirkan atau ini disengajakan supaya pembangkang ini dilihat sebagai didominasi oleh orang Melayu.

“Pelik rasanya apabila ditanya hal ini oleh pemberita, pengerusi menjawab: “Kita isytiharkan Perdana Menteri kelapan dulu. Perdana menteri ketujuh kita tentukan kemudian. Bolehkah kita memberi kepercayaan kepada mereka untuk menerajui negara?” katanya.

Sementara itu, EXCO Pergerakan Pemuda UMNO, Nazir Hussin Akhtar Hussin, berkata struktur baharu pembangkang mengesahkan mereka itu cacamarba apabila meletakkan tiga nakhoda dalam satu kapal.

Katanya, pembangkang meletakkan tiga orang menerajui kepemimpinan tertinggi parti dengan

Anwar dinamakan sebagai Ketua Umum, manakala Dr Mahathir menjadi Pengerusi dan Wan Azizah dilantik Presiden.

**Siapa berkuasa buat keputusan**

“Siapa yang lebih berkuasa dalam membuat keputusan antara ketua umum, pengerusi dan presiden kerana tiada skop kuasa jelas antara ketiga-tiga jawatan itu. Berbulan-bulan mengadakan perbincangan dan akhirnya ini sahaja yang mereka dapat dengan mengambil jalan selamat melantik tiga ‘kepala’ untuk menerajui pembangkang,” katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Nazir Hussin yang juga Pengerusi Biro Hal Ehwal Bandar dan Perumahan (HELP) Pemuda UMNO, berkata, struktur baharu itu dilihat sebagai cuba mengambil hati Dr Mahathir bagi membolehkan Anwar menjadi Perdana Menteri sekiranya pembangkang memenangi pilihan raya umum akan datang.